

# Berita Harian

SELASA, 12 MEI 2015 (23 REJAB 1436)

SPH Sebuah penerbitan SPH - kumpulan media yang diyakini

## MENJELANG SUKAN SEA

### Di luar dugaan tapi Farhan 'berbelah-bagi'



**UNDUR DIRI:** Muhammad Shakir Juanda terpaksa mengundur diri daripada acara tanding Kelas H (80-85 kilogram) kerana kecederaan lutut. - FOTO TUKIMAN WARJI

► **NORMAN SAWI**  
normans@sph.com.sg

DI luar dugaannya, juara dunia Sheik Farhan Sheik Alau'ddin akan beraksi di Sukan Asia Tenggara (SEA) bulan depan.

Pesilat berusia 17 tahun itu didaftarkan ke kontinjen Team Singapore sebagai pengganti Muhammad Shakir Juanda yang terpaksa mengundur diri daripada acara tanding Kelas H (80-85 kilogram) kerana kecederaan lutut.

Bercakap kepada *Berita Harian* Sheik Farhan, pelajar tahun pertama di Politeknik Nanyang (NYP), akur beliau berasa 'berbelah-bagi' kelmarin, selepas menerima berita itu daripada bapanya, Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, yang juga Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Persekutuan Silat Singapura (Persisi).

"Memang saya gembira kerana dapat beraksi di Sukan SEA di depan keluarga dan rakan; tapi saya akan berasa lebih gembira jika peluang ini datang dalam keadaan berbeza," kata Farhan.

"Saya harap Shakir cepat sembuh... beliau kapten kami. Keadaan ini memberi saya rangsangan tambahan... supaya beraksi dengan baik dan tidak menghampakan sesiapa," tambah Farhan.

Januari lalu, Farhan meraih keputusan di luar jangkaan apabila beliau memenangi Kelas J (90-95 kilogram) di Kejohanan Pencak Silat Dunia.

Prestasi cemerlang itu mendorong Persisi merayu bagi menambah Kelas J dalam senarai acara pencak silat di

Sukan SEA, tetapi permohonan saat terakhir itu gagal.

Undang-undang Jawatankuasa Persekutuan Sukan SEA menetapkan bahawa setiap sukan dan acara perlu ditentukan 12 bulan sebelum pembukaan Sukan SEA; yang dijadual berlangsung dari 5-16 Jun.

Menurut Sheik Alau'ddin, pihaknya menggantikan Shakir dengan Sheik Farhan selepas membuat pertimbangan terperinci. Shakir, bekas juara dunia 2012, antara pesilat yang diharap memenangi emas di Sukan SEA.

"Shakir memberitahu saya bahawa beliau tidak rela beraksi jika tidak dapat memberi persembahan 100 peratus. Oleh itu kami mengambil langkah ini, bagi memaksimumkan peluang kami memburu matlamat pasukan," kata Sheik, yang sebelum ini mendedahkan beliau memburu dua pingat emas.

Menurut Sheik Farhan, yang telah menyertai latihan skuad Sukan SEA sejak awal tahun ini, beliau tidak memerlukan sebarang tempoh peralihan bagi mempersiapkan diri bagi pertandingan.

Malah, pesilat yang berdiri setinggi 1.96 meter itu juga telah mengurangkan berat badan sebanyak enam kilogram (kg); dan kini seberat 84 kg.

"Sebenarnya, adalah lebih mudah bagi saya mengurangkan berat badan; berbanding menambah berat badan bagi kategori lagi berat," kata Farhan.

Bersependapat, Sheik Alau'ddin akur Farhan bersedia bertanding di Sukan SEA.

"Beliau juara dunia. Beritahu saya sama ada beliau sudah bersedia atau tidak?"

### Shakir yang cedera cuba cergas bagi acara seni

IMPIANNYA merebut pingat emas acara tanding pertama di depan penyokong sendiri musnah dan kini Muhammad Shakir Juanda bergelut dengan masa supaya kembali cergas bagi acara ganda (Seni).

Juara dunia silat 2012 itu mengundur diri daripada acara tanding Kelas H (80-85 kilogram) selepas gagal pulih daripada kecederaan lutut yang dialaminya di Kejohanan Pencak Silat SEA di Singapura bulan lalu.

Beliau tetap dijangka beraksi dalam acara ganda (seni) bersama rakan sepasukan Sheik Ferdous Sheik Alau'ddin, tetapi menurut ketua silat Sheik Alau'ddin Yacoob Marican, pemenang pingat emas di Sukan SEA Myanmar, Nur Alfian Juma'en, telah dipilih sebagai penggantinya jika beliau gagal pulih.

Shakir mengalami kecederaan berganda di lutut kirinya.

Menurutnya, doktor menasihatkannya supaya mengundur diri supaya tidak memudaratkan keadaannya.

"Jika bertanding, beliau bimbang ligamen saya akan koyak lebih besar dan menyebabkan saya tidak dapat masuk gelanggang buat tempoh lebih lama," kata Shakir.

"Keputusan ini memang sukar dibuat... saya memburu pingat acara tanding. Tapi mungkin kali ini bukan rezeki saya," kata Shakir, pasrah.

Shakir, kapten skuad silat nasional turut berkata bahawa beliau yakin penggantinya; Sheik Farhan Sheik Alau'ddin, dapat beraksi dengan baik di Sukan SEA nanti.

"Beliau gih berlatih sejak awal tahun... saya jangka beliau bersedia," kata Shakir yang kini gih menghadiri sesi fisioterapi setiap hari.

"Tumpuan saya kini hanya i kembali cergas dengan segera," kata Shakir. - NORMAN SAWI



**YAKIN BERJAYA:** Shakir (kanan) yakin Sheik Farhan yang menggantikannya dalam Kelas H berupaya menyahut cabaran di Sukan SEA nanti. - FOTO TUKIMAN WARJI

### Farhan ganti Shakir dalam Sukan SEA

WALAU akur bersedih kerana Muhammad Shakir Juanda mengalami kecederaan, pesilat muda Sheik Farhan Sheik Alau'ddin menyahut cabaran bagi menggantikan kapten skuad silat nasional itu dalam Sukan SEA nanti.

Juara dunia muda itu didaftarkan bagi acara tanding Kelas H (80-85 kilogram) selepas Shakir, juara dunia 2012, mengundurkan diri selepas gagal pulih daripada kecederaan lutut kiri yang dialaminya dalam Kejohanan Pencak Silat Asia Tenggara di Singapura bulan lalu.

Penyertaan Farhan memberi kesudahan menyenangkan bagi Persekutuan Silat Singapura. Mengapata? Laporan di Muka 16.